

## HARI MINGGU BIASA KE-19 (C)

Kebijaksanaan 18:6-9; Mazmur 32 (33):1. 12. 18-20. 22. R/ v. 12; Ibrani 11:1-2. 8-12.(Versi Singkat)  
Lukas 12:35-40 (Versi Singkat)

Tema: **AKHIR DUNIA: KEDATANGAN YESUS KRISTUS KALI KEDUA**

1. Hari ini adalah Hari Minggu Biasa ke-19, Tahun Liturgi C. Injil hari ini memberitahu kita mengenai akhir dunia, iaitu, tamatnya dunia kejahatan, Kedatangan Kedua kali Yesus Kristus, apabila semuanya akan diselamatkan!

Injil hari ini memberitahu kita bahawa Yesus akan datang kali keduanya, tetapi kita tidak tahu bila. Itulah sebabnya mengapa kita harus bersiap sedia untuk Kedatangan Kedua kaliNya! Justru itu “Pengantar Injil” hari ini:

**“Berjaga-jaga dan bersiap-siaplah sebab kamu tidak tahu bilamana Putera Manusia datang..” (Mat 24:42. 44; SM)**

Dan justru itu Injil hari ini berakhir:

**“Hendaklah kamu juga siap sedia, kerana Putera Manusia datang pada saat yang tak tersangka-sangka.” (Luk 12:40; SM)**

Untuk bersiap sedia akan Kedatangan Kedua kalinya Yesus pada akhir zaman, kita harus berdoa, kita harus melakukan kehendak Allah, dan kita harus melepasi diri dari duniawi!

2. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa apabila Yesus Kristus datang kedua kalinya Dia akan memusnahkan dosa dan kematian sepenuhnya dan akhir sekali dia akan menyelamatkan seluruh dunia!

Bacaan pertama memberitahu kita mengenai kemusnahan anak sulung orang-orang Mesir dan penyelamatan orang Israel dalam Keluaran dari Mesir! Justru itu petikan dari bacaan pertama:

**“Sebab dengan apa telah Kauhukum para lawan, dengan itupun telah Kau muliakan kami, setelah kami Kau panggil.” (Keb. 18:8; SM)**

Yang lebih penting, bacaan pertama menampakkan kedua kali dan Keluaran baru kematian dan kebangkitan Yesus Kristus dan akan Pencurahan Roh Kudus! Roh Kudus memusnahkan dosa dan menyelamatkan kematian! Hari ini Roh Kudus terus memusnahkan dosa dan menyelamatkan kita dari kematian dalam Sakramen Pembaptisan!

Tetapi yang lebih penting lagi, bacaan menampakkan Kedatangan Kedua kalinya Yesus Kristus pada akhir zaman apabila dosa dan kematian dimusnahkan sepenuhnya dan kita akan diselamatkan!

3. Mazmur antarbacaan menuruti tema Hari Minggu. Mazmur antarbacaan memberitahu kita bahawa sebagai orang Kristian yang dibaptis kita adalah umat pilihan Allah dan sambil kita bersiap sedia untuk Kedatangan Kedua kalinya Yesus Kristus kita harus berharap dan berdoa untuk kasih-Nya dan Dia akan menyelamatkan kita dari kematian!

Mazmur antarbacaan mempunyai tiga rangkap. Rangkap pertama (ayat 1 & 12) memberitahu kita bahawa sebagai orang Kristian yang dibaptis kita adalah umat pilihan Allah! Justru itu sahutannya yang mana diambil dari rangkap pertama:

**“Berbahagialah umat yang dipilih Allah menjadi milik-Nya.” (Mzm 32 (33): 12; SM)**

Rangkap kedua (ayat 18-19) memberitahu kita untuk berharap akan kasih Allah dan Dia akan menyelamatkan kita dari kematian! Rangkap ketiga (ayat 20-22) memberitahu kita untuk berdoa dan mengharap akan kasih Allah dan Dia akan menyelamatkan kita dari maut! (IBC)

4. Kebetulan, bacaan kedua juga menuruti tema Hari Minggu. Bacaan kedua memberitahu kita bahawa kita harus berpegang kepada iman kita sehingga akhir nyawa kita dan sehingga akhir dunia, walaupun dan terutama sekali dalam menghadapi penganiayaan dan Tuhan akan menyelamatkan kita! Bacaan kedua ini ditujukan kepada orang Kristian Yahudi yang dianiaya dan yang sedang hilang iman mereka! (NJB; CCB)

Bacaan kedua memberi kita tauladan Abraham! Abraham berpegang kepada imannya walaupun menghadapi banyak rintangan! Abraham kena pergi ke tanah yang tidak diketahuinya. Dia dijanjikan anak pada masa tuanya dan isterinya pula mandul. Dan akhir sekali diminta mengorbankan Ishak, anak yang dijanji! (Versi panjang, ayat 17-19;SM) Disebabkan oleh imannya, Abraham telah diberkati dengan banyak keturunan, sebanyak bintang di langit dan sebanyak pasir di pantai!

Justru itu kita harus berpegang kepada iman kita sampai ke akhir kehidupan kita dan sehingga akhir zaman, walaupun menghadapi penganiayaan dan kita akan diberkati dengan penyelamatan!

5. Hari ini kita bersyukur kepada Allah atas kematian dan kebangkitan Yesus Kristus dan akan pencurahan Roh Kudus kerana pengampunan dosa kita dan menyelamatkan kita dari maut. Dan kita mohon kepada Allah agar terus memberikan kita Roh Kudus untuk membantu kita bersiap untuk Kedatangan Kedua kalinya Yesus Kristus apabila semua akan diselamatkan! Sekali lagi, kita bersiap untuk Kedatangan Kedua kalinya Yesus Kristus dengan doa, dengan melakukan kehendak Allah dan dengan melepaskan diri dari duniawi! Allah memberkati kamu!

Amen!

**Soalan-soalan untuk cadangan renungan individu dan untuk perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan kecil dan dalam komuniti-komuniti kecil:**

1. Percayakah kamu akan akhir dunia? Apakah kamu percaya akan berakhirnya dunia fizikal atau akan tamatnya dunia kejahatan ini?
2. Percayakah kamu dalam Kedatangan Kedua kalinya Yesus Kristus? Apakah yang akan berlaku pada Kedatangan Kedua kalinya Yesus Kristus?
3. Bagaimana kamu bersiap untuk akhir dunia, Kedatangan kedua kali Yesus Kristus? Adakah kamu berdoa? Adakah kamu melakukan kehendak Allah? Adakah kamu melepaskan diri kamu dari duniawi?
4. Adakah kamu terus berpegang kepada iman kamu sehingga ke akhir zaman, walaupun dan terutamanya dalam menghadapi penganiayaan? Percayakah kamu bahawa iman kamu akan menyelamatkan kamu?
5. Adakah kamu takut akan akhir dunia? Adakah kamu berharap akan Kedatangan Kedua kali Yesus Kristus?

**Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,**

**Rujukan: International Bible Commentary (IBC); New Jerusalem Bible (NJB); Christian Community Bible (CCB); Sunday Missal (SM).**